

Sime Darby Property lancar projek Vision Business Park RM2.4 billion

Sime Darby Property Bhd melakar kejayaan penting apabila menyempurnakan majlis pecah tanah bagi Vision Business Park (VBP) di Negeri Sembilan dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM2.4 bilion, baru-baru ini.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Datuk Seri Azmir Merican, berkata VBP merupakan pembangunan industri terbaharu di bawah Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV2.0), meliputi keluasan 307.56 hektar (760 ekar) dan dijangka mewujudkan kira-kira 15,000 peluang pekerjaan, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi negeri.

"Projek ini sejajar dengan visi ekonomi negeri yang menyasarkan untuk menarik pelaburan RM294 bilion dan mewujudkan 600,000 peluang pekerjaan.

"VBP juga merupakan sebahagian daripada langkah strategik dalam merealisasikan pembangunan berfasa MVV2.0 meliputi keluasan 153,416.3 hektar (379,100 ekar) di Negeri Sembilan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, syarikat itu telah membangunkan lebih 2,428.1 hektar (6,000 ekar) di Negeri Sembilan dan kini sedang mengembangkan jejaknya melalui pembangunan industri di



Aminuddin (kiri) mendengar penerangan mengenai pembangunan VBP pada majlis pecah tanah projek, baru-baru ini.

(Foto ihsan Sime Darby Property)

Nilai Selatan.

"VBP merupakan langkah penting dalam komitmen kami terhadap pembangunan perindustrian dan menyokong transformasi ekonomi Negeri Sembilan.

"Sebagai hab industri yang bersedia untuk masa depan, VBP akan menarik perniagaan, mewujudkan peluang pekerjaan dan mengukuhkan kedudukan negeri sebagai pusat pertumbuhan perindustrian.

Berdasarkan kejayaan membangunkan Hamilton Nilai City yang beroperasi sejak 2021, VBP akan menyokong pertumbuhan industri ringan dan sederhana,

sekali gus memacu inovasi dan pengembangan," katanya.

Majlis pecah tanah itu disempurnakan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, Jumaat lalu.

Azmir berkata, VBP menampilkkan nisbah industri kepada komersial iaitu 80:20 dengan menyeediakan 252.11 hektar (623 ekar) untuk industri dan 55.44 hektar (137 ekar) untuk aktiviti komersial yang memenuhi keperluan perniagaan pelbagai saiz.

Beliau berkata, pembangunan itu menawarkan ekosistem industri menyeluruh, termasuk kilang sedia bina, lot perindustrian, pe-

jabat kedai, serta pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang direka untuk menyokong pertumbuhan perniagaan.

Pelan induknya menggalakkan sinergi perniagaan, dilengkapi kemudahan berpusat seperti kuarters pekerja khas dan tempat letak kenderaan berat berpusat bagi meningkatkan kecekapan operasi.

Azmir berkata, VBP mendapat manfaat daripada akses terus ke Jalan Nilai-Labu-Enstek (NLE) yang menyediakan kesalinghubungan yang lancar ke pusat perindustrian dan logistik utama seperti Nilai Inland Port, KLIA dan KLIA2.